

## Bawa isu usahawan PMKS ke Kabinet

Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my



NOH melawat pameran yang diadakan selepas mengadakan Majlis Dialog bersama Persatuan Perniagaan di Menara Berkembar Bank Rakyat, semalam. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) akan membentangkan nota Kabinet pada mesyuarat Kabinet akan datang bagi memastikan kementerian dan agensi yang terbabit mengambil peduli mengenai isu dihadapi semua peringkat usahawan terutama perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS).

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya menerima 35 memorandum daripada pelbagai persatuan dan dewan perniagaan apabila semua isu dibangkitkan dianalisis serta diklusterkan kepada lapan kategori menerusi sesi dialog bersama industri.

Katanya, kementerian mengambil maklum akan isu mengenai dasar dan adaptasi pendigitalan, percukaian dan levi, kekurangan pekerja asing serta moratorium pembiayaan menjadi antara cabaran paling besar dihadapi pihak industri dan usahawan termasuk kemudahan pembiayaan semasa dan pasca pandemik.

"Walaupun Medac dipertanggungjawabkan dalam menjaga kepentingan usahawan PMKS, masih terdapat banyak isu yang dihadapi mereka membabitkan pelbagai kementerian yang lain.

"Medac akan bawa isu dan permasalahan usahawan PMKS ke Kabinet bagi tindakan lanjut kementerian dan agensi lain yang berkaitan kerana kita mahukan pemulihan yang berkesan kepada usahawan PMKS dan membolehkan dasar serta pelaksanaan betul-betul sampai ke golongan sasaran.

"Medac juga sentiasa berusaha membantu usahawan PMKS untuk kembali pulih selepas berdepan dengan impak disebabkan pandemik Covid-19," katanya pada sidang media selepas mengadakan sesi dialog bersama 58 persatuan dan dewan perniagaan, semalam.

Menurutnya, dialog yang dianjurkan Medac itu adalah antara inisiatif mendalami cabaran yang dihadapi usahawan ketika ini.

Beliau berkata, ia juga kesinambungan selepas menjalankan libat urus bersama dewan perniagaan dan persatuan usahawan serta PMKS.

Noh berkata, kementeriannya juga berharap dapat menjadikan sesi dialog sebegini sebagai acara tahunan.

Beliau berkata, ia bagi memastikan dasar dan inisiatif kerajaan sentiasa menepati keperluan usahawan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Saya juga berharap sesi dialog ini dapat menyampaikan maklumat terkini berhubung inisiatif dan insentif ditawarkan kerajaan melalui Medac serta agensi di bawah Medac dalam meningkatkan keupayaan perusahaan tempatan membabitkan sektor PMKS," katanya.

"Malah, ramai persatuan yang hadir mahukan program sesi dialog dan libat urus seperti ini dibuat selalu agar mereka dapat menyuarakan permasalahan yang dihadapi terus kepada kementerian," katanya.

Disiarkan pada: November 11, 2021 @ 6:00am